



SEGERA

Ruj. Kami : JPNWP (S) 500-3/3/4 Jld. 31 ()
Tarikh : **30** Mei 2016

Semua Timbalan Pengarah Pendidikan
Semua Ketua Sektor
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

Semua Pengetua/ Guru Besar
Sekolah Menengah/Rendah
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

- i) **URUSAN GRED DG32 HINGGA GRED DG54 JULAI HINGGA DISEMBER 2016**
- ii) **URUSAN GRED DG44 (EX-PPPLD) JULAI HINGGA DISEMBER 2016**

Dengan sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk. Surat Kementerian bil. (93) Jld.12 dalam KPMSP.500-3/13/1 bertarikh 20 Mei 2016 mengenai perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengadakan urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi gred seperti yang dinyatakan di atas **melalui sistem ePangkat** bermula dari **24 Mei hingga 16 Jun 2016**.

3. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang layak diperakukan seperti berikut:-

3.1 URUSAN GRED DG32 HINGGA DG54 JULAI HINGGA DISEMBER 2016

- (a) Gred DG52 ke Gred DG54 - N/Pangkat Gred DG52 (1.7.2013 - 31.12.2013)
- (b) Gred DG48 ke Gred DG52 - N/Pangkat Gred DG48 (1.7.2010 - 31.12.2010)
- (c) Gred DG44 ke Gred DG48 - N/Pangkat Gred DG44 (1.7.2008 - 31.12.2008)
- (d) Gred DG41 ke Gred DG44 - Lantik Gred DG41 (1.7.2008 - 31.12.2008)
- (e) Gred DG34 ke Gred DG38 - N/Pangkat Gred DG34 (1.7.2011 - 31.12.2011)
- (f) Gred DG32 ke Gred DG34 - N/Pangkat Gred DG32 (1.7.2008 - 31.12.2008)
- (g) Gred DG29 ke Gred DG32 - Lantik Gred DG29 (1.7.2008 - 31.12.2008)

3.2 URUSAN GRED DG44 (EX-PPPLD) JULAI HINGGA DISEMBER 2016

- (a) **Lantikan DG41 (1.7.2011 - 31.12.2011)**
-(Tempoh pengalaman PPPLD genap 3 tahun)
- (b) **Lantikan DG41 (1.7.2010 - 31.12.2010)**
-(Tempoh pengalaman PPPLD genap 2 tahun)
- (c) **Lantikan DG41 (1.7.2009 - 31.12.2009)**
-(Tempoh pengalaman PPPLD genap 1 tahun)

"GEMILANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG"



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.:AR4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.:AR4166

4. Senarai PPP yang layak dipertimbangkan adalah seperti di **Lampiran A1** dan **Lampiran A2**. Syarat kenaikan pangkat bagi setiap urusan adalah seperti di **Lampiran B1** dan **Lampiran B2**.

5. Adalah diingatkan sebelum memperakukan pegawai yang layak, tuan/puan diminta mengemaskinikan maklumat pegawai di dalam **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)**, **sistem HRMIS**, **sistem eOperasi** dan **sistem ePangkat** dengan betul, lengkap dan tepat. Antara maklumat pegawai yang perlu diisi dan dikemaskini di dalam **ePangkat** adalah seperti berikut:-

5.1) **Maklumat Peribadi (dikemaskini oleh calon):-**

- (a) Maklumat pegawai
- (b) Maklumat pasangan

5.2) **Maklumat Pengisytiharan Harta yang terkini :-**
(Terkini @Tahun 2013 dan ke atas)

- (a) Tarikh istihar
- (b) Tarikh lulus
- (c) Rujukan surat

5.3) **Maklumat Perkhidmatan PPPLD/PPPS :-**

- (a) Gred Hakiki Jawatan
- (b) Gred Hakiki Penyandang
- (c) Tarikh Lantikan Gred DGA29
- (d) Tarikh Sah Perkhidmatan Gred DGA29
- (e) Tarikh Lantikan Gred DG41
- (f) Tarikh Sah Perkhidmatan Gred DG41
- (g) Tarikh dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi (jika ada)
- (h) Jenis laluan kenaikan pangkat (pastikan betul)

5.4) **Maklumat Cuti (Pastikan diisi tarikh mula dan tarikh akhir serta sebab-sebab cuti) :-**

- (a) Cuti Tanpa Gaji (CTG) **kecuali** Cuti Belajar
- (b) Cuti Separuh Gaji (CSG) **kecuali** Cuti Belajar
- (c) Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)
- (d) Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBG)
- (e) Cuti Sakit Kronik
- (f) Cuti Bersalin (Anak ke 6 kali ke 6 dan seterusnya sahaja)

5.5) **Maklumat Akademik iaitu :-**

- (a) Tahun Kelayakan
- (b) Peringkat Kelulusan
- (c) Institusi
- (d) Pengkhususan

5.6) **Maklumat Pengalaman Kerja :-**

- (a) Gelaran Jawatan
- (b) Gred Jawatan
- (c) Tahun pengalaman
- (d) Tempat bertugas
- (e) Tarikh mula
- (f) Tarikh akhir

5.7) **Maklumat prestasi tahunan dari Tahun 2010 hingga Tahun 2015**

5.8) **Borang Akuan Pilihan TBBK Ex-PPPLD**

Borang ini perlu diisi oleh calon, diimbias (scan) dan dimuat naik dalam halaman ini bagi PPP Gred DG41 yang layak diperaku urusan kenaikan pangkat secara TBBK Ex-PPPLD Gred DG44.

5.9) **Halaman Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)**

Helaian buku yang berkenaan perlu diimbias (scan) dan dimuat naik dalam halaman-halaman seperti yang dinyatakan di dalam **NOTA TAMBAHAN** yang disediakan.

6. Tuan/puan sebagai Ketua Jabatan **dikehendaki memperakukan** semua PPP yang layak mengikut syarat iklan serta memperolehi **markah wajaran LNPT tiga (3) tahun terakhir** dan **markah Kriteria Kecemerlangan (KC) 80% ke atas**. Bagi yang memperolehi markah **KC 79.99%** ke bawah, tuan/puan dikehendaki **memaklumkan kepada pegawai berkenaan untuk membuat rayuan dengan kadar SEGERA**, supaya rayuan tersebut dapat **dikemukakan ke Panel Rayuan** dan keputusan rayuan dapat **dibuat sebelum tarikh tutup iklan iaitu pada atau sebelum 16 Jun 2016 (Khamis)**. Tuan/puan akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya di atas sebarang implikasi yang timbul ekoran kegagalan tuan/puan untuk memperakukan pegawai yang layak.

7. **TARIKH TUTUP di paparan sistem ePangkat ADALAH TARIKH CAPAIAN DITUTUP** bukan tarikh akhir capaian dibenarkan. Sistem akan menghalang capaian bagi setiap peringkat bermula tarikh tutup capaian tersebut. Sebarang usaha untuk membuat perakuan pada masa berkenaan akan menemui kegagalan.

8. Adalah diingatkan, setiap perakuan hendaklah dilaksanakan melalui sistem kenaikan pangkat ePangkat dan perakuan **'secara manual'** tidak akan dipertimbangkan **kecuali** bagi pegawai-pegawai berikut :-

- 8.1 PPP yang mengambil Cuti Belajar sama ada Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CSG);
- 8.2 PPP yang sedang mengambil Cuti Separuh Gaji (CSG);
- 8.3 PPP yang sedang mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG);
- 8.4 PPP yang berada dalam Jawatan Kumpulan;
- 8.5 Pegawai yang telah dikenakan **pelanjutan tempoh percubaan dengan berdenda (TPB)** – sila kemukakan sesalinan surat pengesahan TPB oleh Ketua Jabatan;
- 8.6 Pegawai yang **pernah diperaku tetapi gagal dalam urusan berkenaan kerana markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) / Penilaian Tahap Kriteria Kecemerlangan (KC) tidak mencapai tahap yang ditetapkan**; dan

8.7 Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat sebelum bersara wajib / bersara pilihan / meninggal dunia

9. Untuk melancarkan urusan ini, bersama-sama ini disertakan garis panduan pengurusan kenaikan pangkat secara TBBK iaitu **Lampiran C1** bagi calon dan **Lampiran C2** Ketua Jabatan.

10. Sebarang pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara ini bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai di Unit Naik Pangkat seperti berikut :

Nama Pegawai	Nombor Telefon
Puan Norhasniza binti Johan (Gred DG44 ke Gred DG48, Gred DG48 ke Gred DG52, Gred DG52 ke Gred DG54)	03-6203 6086
Puan Noorazmera binti Mohamad Yunos (Gred DG41 ke DG44)	03-6203 6085
Puan Ku Norhaliza binti Ku Hassin (Gred DGA29 ke Gred DGA32, Gred DGA32 ke Gred DGA34, Gred DGA34 ke Gred DGA38)	03-6203 6085

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(AHMAD KHAM BIN ABU KASSIM)

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan

b.p Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

s.k. Fail Timbul

LAMPIRAN A1

SENARAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN MELALUI SISTEM ePANGKAT BAGI TEMPOH JULAI HINGGA DISEMBER 2016

URUSAN	GENAP TEMPOH PERKHIDMATAN (TAHUN)
<p style="text-align: center;">Gred DG52 ke Gred DG54</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Naik Pangkat (TNP) Gred DG52 mulai Julai hingga Disember 2013 	3
<p style="text-align: center;">Gred DG48 ke Gred DG52</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG48 mulai Julai hingga Disember 2010 	6
<p style="text-align: center;">Gred DG44 ke Gred DG48</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG44 mulai Julai hingga Disember 2008 	8
<p style="text-align: center;">Gred DG41 ke Gred DG44</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Lantik Gred DG41 mulai Julai hingga Disember 2008 	8
<p style="text-align: center;">Gred DG34 ke Gred DG38</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG34 mulai Julai hingga Disember 2011 	5
<p style="text-align: center;">Gred DG32 ke Gred DG34</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG32 mulai Julai hingga Disember 2008 	8
<p style="text-align: center;">Gred DG29 ke Gred DG32</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Lantik Gred DG29 mulai Julai hingga Disember 2008 	8

LAMPIRAN A2

JADUAL KIRAAN TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) GRED DG41 KE GRED DG44 (KUP) YANG MEMPUNYAI PENGALAMAN SEBAGAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD) BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2016

PPPLD		PPPS			TEMPOH GENAP 8 TAHUN BAGI URUSAN TBBK
TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPLD (TAHUN)	TEMPOH YANG DIAMBILKIRA*	TAHUN LANTIKAN PPP GRED DG41	TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PPPS GRED DG41 PADA 01.07.2016 HINGGA 31.12.2016	KOMBINASI TEMPOH TAHUN (TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPLD + TEMPOH BERKHIDMAT DI PPPS)	
3	1	2009	7	1 + 7	8
4					
5					
6	2	2010	6	2 + 6	8
7					
8					
9	3	2011	5	3 + 5	8
10					
11 dan lebih					

* Genap 3 tahun pengalaman di PPPLD dikira sebagai 1 tahun berkhidmat di PPPS dengan had maksimum pengalaman sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS Gred DG41

Syarat Kenaikan Pangkat PPP Gred DG29 ke Gred DG32 / Gred DG32 ke Gred DG34 / Gred DG34 ke Gred DG38 / Gred DG41 ke Gred DG44 / Gred DG44 ke Gred DG48 / Gred DG48 ke Gred DG52 / Gred DG52 ke Gred DG54

Syarat Umum

- (a) telah disahkan di dalam jawatan Gred DG29/DG41 atau telah dinaikkan pangkat ke Gred DG32/DG34/DG44/DG48/DG52;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun 2013, 35% bagi tahun 2014 dan 45% bagi tahun 2015;
- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat-syarat Khusus

- (a) berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun di Gred DG29/DG32/DG41/DG44 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja); ATAU
- (b) berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Gred DG34 / enam (6) tahun di Gred DG48 / tiga (3) tahun di Gred DG52; ATAU
- (c) PPPLD Gred DGA29, DGA32, DGA34 dan DGA38 yang telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41, mengambil kira setiap genap tiga (3) tahun pengalaman di PPPLD sebagai satu (1) tahun pengalaman di Gred DG41 dengan had maksimum sembilan (9) tahun di PPPLD bersamaan tiga (3) tahun di PPPS di Gred DG41 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun secara gabungan di PPPS dan mempunyai pengalaman PPPLD di Gred DG41 atau DG44 pada bulan Julai hingga Disember tahun 2016 (bagi calon TBBK Ex-PPPLD Gred DG41 ke Gred DG44 SAHAJA);
- (d) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80%; dan
- (e) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80%.

Syarat Kenaikan Pangkat PKP**Syarat Umum**

- (a) telah disahkan dalam jawatan;
- (b) diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- (c) telah mengisytiharkan harta;
- (d) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun 2013, 35% bagi tahun 2014 dan 45% bagi tahun 2015;

Syarat-syarat Khusus

- (a) telah dilantik secara tetap ke skim perkhidmatan semasa;
- (b) masih berada di gred lantikan
- (c) telah berkhidmat genap 13 tahun dalam skim perkhidmatan (**tempoh perkhidmatan gred semasa yang diambil kira sahaja**);
- (d) memperoleh penilaian kecemerlangan di tahap BAIK / CEMERLANG. Jumlah markah penilaian kecemerlangan adalah seperti berikut:

Markah Penilaian Kecemerlangan	Tahap Penilaian Kecemerlangan	Keputusan
8 hingga 9	Cemerlang	LAYAK dipertimbangkan kenaikan pangkat
6 hingga 7	Baik	
3 hingga 5	Kurang Memuaskan	TIDAK LAYAK dipertimbangkan kenaikan pangkat

TANGGUNGJAWAB CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN

1. Mendaftarkan diri sendiri di dalam ePangkat sekiranya belum berbuat demikian
2. Memastikan bahawa maklumat diri di dalam HRMIS dikemaskini
3. Memastikan bahawa maklumat perkhidmatan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemaskini
4. Memastikan maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai di dalam sistem **eOperasi adalah dikemaskini dan tepat;**
5. Memastikan maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai di dalam sistem **ePangkat adalah dikemaskini dan tepat;**
6. Memasukkan maklumat di dalam submodul Maklumat Peribadi di dalam ePangkat bagi tujuan tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
7. Membuat perisytiharan harta terkini bagi tujuan urusan kenaikan pangkat dan seterusnya memastikan maklumat perisytiharan harta dikemaskini di dalam ePangkat;
8. Memastikan diri calon tidak berada di dalam senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan;
9. Membaca dengan teliti nama iklan yang dipaparkan di modul permohonan untuk mengelakkan calon tersilap memohon iklan yang salah.
10. Mengisi Borang Penilaian Kriteria Kecemerlangan (bagi calon yang terlibat dalam urusan TBBK bermula 1 Julai 2013);
11. Sekiranya gagal di dalam Penilaian Kriteria Kecemerlangan (KC), sila isi Borang Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan (bagi calon yang terlibat dalam urusan TBBK bermula 1 Julai 2013) dalam tempoh **sebulan** dari tarikh Panel Penilai KC Bersidang.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN

1. Menghebahkan dan memaklumkan urusan kenaikan pangkat kepada semua calon di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Memastikan bahawa maklumat calon di dalam HRMIS dikemaskini.
3. Memastikan bahawa maklumat perkhidmatan calon di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemaskini.
4. Menyemak maklumat-maklumat perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **eOperasi adalah dikemaskini dan tepat.**
5. Memastikan perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **ePangkat adalah dikemaskini dan tepat.**
6. Menyemak serta memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan oleh calon.
7. Memastikan hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus kenaikan pangkat secara TBBK sahaja dikemukakan menerusi ePangkat.
8. Membuat Penilaian Kriteria Kecemerlangan dengan **kadar segera tanpa menunggu iklan TBBK dibuka di ePangkat** bagi calon yang terikat dengan syarat kriteria kecemerlangan.
9. **Mengingatkan calon yang gagal dalam Penilaian Kriteria Kecemerlangan, bahawa beliau boleh membuat rayuan dan rayuan calon, jika ada, perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan.**
10. Memasukkan markah Kriteria Kecemerlangan dan markah Rayuan Kriteria Kecemerlangan di dalam maklumat perakuan calon yang tertakluk kepada pemakaian Kriteria Kecemerlangan.
11. Mengemukakan perakuan calon-calon di bawah seliaan dengan kadar segera tanpa menunggu sehingga saat-saat akhir untuk berbuat demikian.
12. Hanya **mengemukakan calon yang belum diperakuan dan lengkap sahaja** bagi sebarang **Urusan Kenaikan Pangkat secara TBBK.**
13. Memaklumkan dan memanjangkan maklumat berkaitan "**Tanggungjawab Calon Yang Terlibat Di Dalam Urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan**" seperti di Lampiran B1 dan Lampiran B2 kepada calon.

NOTA TAMBAHAN:

**SALINAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG PERLU DIMUAT NAIK
MENGIKUT URUSAN PEMANGKUAN / KENAIKAN PANGKAT (MANDATORI)**

<p>** Halaman Pertama</p>	<p>: Bagi PPPS : Tarikh Pengesahan Pelantikan DG41 dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG41</p> <p>Bagi PPPLD : Tarikh Pengesahan Pelantikan DG29 dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan DG29</p> <p>Bagi PKP : Tarikh Pengesahan Pelantikan N1/N11/N17/W17/C17/R1/ R3/R9 /R11 dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan N1/N11/N17/W17/ C17/R1/R3/R9/R11</p> <p><i>*(Tarikh Lantikan GST/GSTT/Sementara tidak diambilkira bagi tujuan kenaikan pangkat)</i></p> <p>** Bagi Permohonan kenaikan pangkat ke Gred DG44/DG48 yang menggunakan pengalaman PPPLD halaman yang perlu dimuat naik adalah surat Pengesahan Pelantikan DG29 dan surat Pengesahan Pelantikan DG41</p>												
<p>** Halaman Penting</p>	<p>: Urusan Kenaikan Pangkat :</p> <table border="1" data-bbox="560 1189 1334 1592"> <thead> <tr> <th>Urusan Kenaikan Pangkat</th> <th>Halaman yang Perlu Dimuat naik</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>DG32 ke DG34</td> <td>Surat kenaikan Pangkat DG32</td> </tr> <tr> <td>DG34 ke DG38</td> <td>Surat kenaikan Pangkat DG34</td> </tr> <tr> <td>DG44 ke DG48</td> <td>Surat kenaikan Pangkat DG44</td> </tr> <tr> <td>DG48 ke DG52</td> <td>Surat kenaikan Pangkat DG48</td> </tr> <tr> <td>DG52 ke DG54</td> <td>Surat kenaikan Pangkat DG52</td> </tr> </tbody> </table>	Urusan Kenaikan Pangkat	Halaman yang Perlu Dimuat naik	DG32 ke DG34	Surat kenaikan Pangkat DG32	DG34 ke DG38	Surat kenaikan Pangkat DG34	DG44 ke DG48	Surat kenaikan Pangkat DG44	DG48 ke DG52	Surat kenaikan Pangkat DG48	DG52 ke DG54	Surat kenaikan Pangkat DG52
Urusan Kenaikan Pangkat	Halaman yang Perlu Dimuat naik												
DG32 ke DG34	Surat kenaikan Pangkat DG32												
DG34 ke DG38	Surat kenaikan Pangkat DG34												
DG44 ke DG48	Surat kenaikan Pangkat DG44												
DG48 ke DG52	Surat kenaikan Pangkat DG48												
DG52 ke DG54	Surat kenaikan Pangkat DG52												
<p>** Halaman Terkini</p>	<p>: Halaman terakhir yang dikemaskini dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)</p>												